

06/05/1998

Pertumbuhan 7 peratus jaminan capai wawasan

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

WAWASAN, bukan tarikh yang penting dalam usaha negara mengejar impian mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 yang kini kelihatan begitu sukar dicapai berikutan kegawatan ekonomi semasa.

Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Mohd Haflah Piei, berkata wawasan itu akan hanya dicapai menjelang tahun 2020 jika kadar pertumbuhan ekonomi negara bergerak pada purata tujuh peratus setahun.

"Sebelum kegawatan sekarang, kadar pertumbuhan negara kita adalah tinggi iaitu di antara lapan dan 10 peratus sejak sedekad lalu. Jika kadar sedemikian berterusan, kita boleh mencapai wawasan itu lebih awal daripada 2020.

"Namun sekarang, keadaan sudah berubah dan Mier sendiri mengunjurkan pertumbuhan ekonomi tahun ini cuma 0.9 peratus. Kita akan tengok, bagaimana pergerakan ekonomi untuk beberapa tahun akan datang.

"Jika negara berupaya pulih dalam masa dua tiga tahun lagi, maka kadar pertumbuhan perlu lebih cepat bergerak di antara lima, enam atau tujuh peratus. Andainya kita berupaya mencapai pertumbuhan tujuh atau lapan peratus setahun selepas tahun 2003, maka impian Wawasan 2020 boleh dicapai.

"Namun, dalam keadaan sekarang kita lupakan soal kemungkinan wawasan itu dicapai selepas tahun 2020. Angka itu tidak penting. Yang penting wawasan kita bersama menuju ke situ dan memberi penuh tumpuan," katanya kepada Berita Harian selepas menghadiri ceramah anjuran Mier di Bank Negara, semalam.

Bekas penasihat Perbendaharaan Negara, Prof Wolfgang Kasper yang kini bertugas sebagai profesor ekonomi di Universiti New South Wales, Australia memberi ceramah bertajuk 'Inovasi institusi sebagai jalan keluar krisis ekonomi Asia Timur'.

Kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, impian Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 mungkin sukar dicapai berikutan kegawatan ekonomi sekarang.

Kasper yang ditemui kemudian turut menyatakan bahawa tidak ada masalah bagi Malaysia jika ia tidak dapat mencapai impian itu berikutan kegawatan kewangan serantau asalkan rakyatnya terus makmur.

Dr Mohd Haflah ketika diminta mengulas mengenai saranan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) supaya Malaysia menaikkan sedikit kadar faedah kerana wujud sedikit ketidakseimbangan dalam campuran dasar di mana dalam proses menurunkan kadar faedah, negara terpaksa mempunyai kedudukan fiskal yang kukuh, berkata:

"Dasar kerajaan adalah membiarkan kadar tukaran asing terapung tetapi berusaha menstabilkan kadar bunga dalam negeri. Kerajaan tidak boleh mengawal kedua-duanya sekali kerana ia perlu diseimbangkan dengan keadaan semasa."

Katanya, dasar kerajaan memperkukuhkan kadar faedah adalah supaya kadarnya tidak terlalu tinggi yang boleh menghalang pemulihan ekonomi dan pada masa yang sama tidak membenarkannya terlalu rendah sambil menyatakan kadar faedah sekarang berada dalam kedudukan terurus.

Kadar antara bank iaitu kadar yang mana bank memberi pinjaman antara satu sama lain meningkat kepada kira-kira 11.05 peratus sekarang daripada tujuh peratus sebelum krisis mata wang tercetus Julai lalu. Ini bermakna bank terpaksa memberi pinjaman kepada pelanggan pada kadar lebih tinggi.

Kadar berian pinjaman bagi pinjaman perniagaan yang meningkat sehingga setinggi 20 peratus dan 21 peratus Disember lalu berikutan mudah tunai ketat bagaimanapun, sudah menurun antara 16 dan 17 peratus sekarang.

Sementara itu, Pengerusi yang juga Ketua Eksekutif Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (Isis), Tan Sri Dr Noordin Sopiee berkata langkah pemulihan yang diambil kini sudah mula menunjukkan hasil dan pembangunan negara masih berterusan walaupun pada kadar perlahan.

Katanya, perkembangan ekonomi negara tidak akan terjejas walaupun kadar pertumbuhannya dijangka merosot berikutan kegawatan ekonomi serantau dan kejatuhan nilai ringgit.

Beliau berkata, proses pemulihan ekonomi mesti berdasarkan tiga faktor kritikal iaitu asasi ekonomi, asas pasaran terutama pasaran mata wang dan ekuiti serta asas psikologi.

"Semua pendekatan ini perlu dijadikan landasan utama dalam usaha mengembalikan semula keyakinan kepada suasana sektor perniagaan tempatan dan menarik minat pelabur asing menceburi pasaran negara.

"Sehubungan itu, sektor ekonomi dan korporat harus melakukan rombakan dalam strategi operasi dengan mengelakkan pembaziran dan jimatkan belanjawan yang sedia ada," katanya.

(END)